



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN  
SEMPENA HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2022**

**TEMA:  
“TEMBAKAU: ANCAMAN KEPADA ALAM SEKITAR KITA”  
“TOBACCO: THREAT TO OUR ENVIRONMENT”**

**31 MEI 2022**

1. Kesan negatif penggunaan tembakau secara umum memang telah sekian lama diketahui. Ia bukan saja membahayakan penggunaanya, malahan juga menimbulkan risiko kepada mereka yang terdedah kepada asap rokok pasif (*secondhand smoke*). Penggunaan tembakau sangat mengancam nyawa di mana lebih kurang 8 juta kematian akibat penggunaan tembakau dicatatkan di seluruh dunia setiap tahun. Selain dari membahayakan kesihatan, tembakau juga memberi kesan negatif kepada alam sekitar.
2. Justeru itu, ancaman tembakau kepada alam sekitar kini menjadi fokus kempen Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun ini dengan tema '**Tembakau: Ancaman kepada Alam Sekitar kita**' (***Tobacco: Threat to our Environment***). Tema ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai akan kesan kitaran tembakau terhadap alam sekitar mulai dari penanaman tembakau, penghasilan produk tembakau, pengedarannya hinggalah sisa toksik yang dihasilkan selepas penggunaannya. Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk mendedahkan usaha dan muslihat industri tembakau yang cuba untuk membersihkan reputasi mereka dan secara licik, memasarkan produk mereka sebagai mesra alam (*environmentally-friendly*). Adalah diharapkan dengan mengetengahkan isu ini, helah dan tipu daya industri tembakau dapat diungkap dan akan dapat mendorong perokok-perokok untuk berhenti merokok.

3. Penggunaan tembakau mengancam alam sekitar pada setiap peringkat, bermula dari penanaman pokoknya sehinggalah kepada penggunaannya. Penanaman tembakau menyumbang kepada penebangan hutan di mana dianggarkan 200,000 hektar hutan dimusnahkan setiap tahun, yang mana seterusnya menyumbang kepada peningkatan suhu dunia (*global warming*). Tanaman tembakau pula akan menyebabkan nutrien di dalam tanah semakin merosot, dan jika ini berterusan, ianya akan merosakkan tanah dan menyebabkan tanah bertukar menjadi seperti padang pasir. Setiap tahun, sekitar 3.5 juta hektar tanah musnah dan tidak lagi dapat digunakan selepas digunakan untuk penanaman tembakau. Penggurunan (*desertification*) kini dapat dilihat di banyak negara termasuk di Brazil dan India. Membaik pulih tanah selepas penanaman tembakau memerlukan kos yang tinggi, dan sesetengah negara memerlukan berpuluh juta (USD) untuk membaik pulih tanah yang rosak disebabkan oleh hanya pertanian tembakau selama setahun.
4. Selain itu, penanaman tembakau juga memerlukan penggunaan air yang banyak. Semasa peringkat penanaman tembakau sahaja, jumlah air yang diperlukan adalah sama dengan jumlah air yang diperlukan bagi seseorang individu sepanjang tahun. Jika mengikut keseluruhan kitaran hayat sebatang rokok (*life cycle of a cigarette*), satu batang rokok memerlukan lebih kurang 3.7 liter air, termasuklah dari penanaman tembakau, pembuatannya, kemudian pengedarannya, seterusnya penggunaannya dan pelupusannya. Secara purata, seorang perokok boleh menjimatkan 74 liter air setiap hari jika mereka berhenti merokok.
5. Rokok juga mencemarkan udara. Untuk menghasilkan sebatang rokok, 14g kardon dioksida akan dikeluarkan. Penghasilan produk tembakau menyumbang kepada hampir 84 juta metrik tan karbon dioksida setiap tahun, yang mana bersamaan dengan pelancaran 280,000 buah roket ke angkasa. Asap rokok juga menyumbang kepada tahap pencemaran udara yang lebih tinggi dan mengandungi tiga gas rumah hijau (*greenhouse*) iaitu, karbon dioksida, metana dan nitrus oksida, yang mana seterusnya menyumbang kepada peningkatan suhu dunia dan perubahan iklim (*climate change*). Sementara itu, pengedaran produk tembakau ke seluruh dunia banyak bergantung kepada pengangkutan yang menggunakan sumber yang banyak,

antarlain memberikan impak negatif secara langsung kepada alam sekitar misalnya melalui pengeluaran karbon monoksida sebanyak 882 ribu metrik tan setiap tahun. Angka ini dijangka akan meningkat kerana peningkatan pengeluaran produk-produk tembakau.

6. Kitaran hayat produk tembakau berakhir pada sisa produk tembakau. Puntung rokok adalah sampah terbanyak yang dibuang di merata-rata tempat. Dianggarkan sebanyak 4.5 trilion puntung rokok tidak dibuang dengan cara yang betul setiap tahun. Kajian dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia menunjukkan kira-kira 65% perokok membuang puntung rokok di merata-rata tempat. Puntung-puntung rokok ini seterusnya mengeluarkan beribu-ribu bahan kimia ke udara, air dan tanah. Binatang laut seperti ikan, penyu dan sebagainya juga menjadi mangsa kerana termakan puntung rokok tersebut. Selain dari puntung rokok, pembuang sisa rokok elektronik juga boleh mencemarkan alam sekitar. Bateri dan alat rokok elektronik mengandungi bahan berbahaya seperti plumbum dan merkuri. Dan apabila dibuang sewenang-wenangnya, bahan-bahan kimia tersebut boleh meresap ke dalam tanah dan saluran air atau ditelan oleh hidupan liar.
7. Selain dari ancaman alam sekitar dari kitaran hayat tembakau, merokok juga merupakan punca utama kebakaran di kebanyakan negara. Rokok dikenalpasti sebagai penyebab kebanyakan bencana kebakaran termasuklah kebakaran hutan yang menyebabkan kemerosotan kualiti udara, kehilangan harta benda, tanaman, haiwan dan juga nyawa manusia. Kebakaran hutan memberi impak kepada peningkatan suhu dunia dan perubahan iklim, disebabkan oleh penghasilan gas karbon dioksida, karbon monoksida dan zarah halus (*fine particles*) yang tinggi ke udara. Ini kemudian boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan, termasuk masalah pernafasan, kardiovaskular, kesihatan mental dan kesejahteraan psikososial.
8. Alhamdulillah, kita amatlah bersyukur kerana Negara Brunei Darussalam bukanlah sebuah negara pengeluar produk tembakau. Walau bagaimanapun, menurut kajiselidik STEPS NCD 2016, sebanyak 20% atau kira-kira 50-60 ribu rakyat negara ini yang berumur di antara 18-69 tahun adalah perokok iaitu

36.3% di kalangan lelaki dan 3.7% di kalangan wanita. Manakala, hasil dapatan dari kajiselidik *Global School Health Survey (GSHS) 2019* pula menunjukkan 9.8% remaja yang berumur 13-17 tahun adalah perokok iaitu 15.4% remaja lelaki dan 4.3% remaja perempuan. Ini menandakan permintaan dalam negara terhadap rokok adalah masih tinggi.

9. Setiap individu di setiap peringkat umur di negara ini berhak untuk bernafas udara yang bersih dan bebas dari sebarang toksin - maka sempena dengan sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun ini, marilah kita sama-sama berusaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam bebas dari tembakau dan asap rokok. Justeru itu, saya menyeru kepada perokok-perokok untuk mengambil peluang ini untuk berhenti merokok dan jadikanlah ia sebagai motivasi untuk lebih peka dalam memperbaiki diri dalam mempertingkatkan kesihatan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

**-TAMAT-**